

# PRAKTIS Ujian Akhir Sesi Akademik



Kuiz

## Bahagian A

### 7.1 Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan penentangan pemimpin agama terhadap British di Terengganu.

Buku Teks  
m.s. 172

Mereka memperjuangkan masyarakat tani yang ditindas akibat pelaksanaan cukai Barat.

Mengapakah pemimpin agama menentang pelaksanaan cukai tersebut?

- A Menguntungkan British
- B Menggunakan tipu helah
- C Melanggar hukum syarak
- D Memecahbelahkan rakyat

Aras S Memahami

- 2 Peta berikut berkaitan kawasan penentangan di Naning.

Buku Teks  
m.s. 172



Mengapakah penentangan tersebut tercetus?

- A Penubuhan balai polis
- B Paksaan pembayaran ufti
- C Pelaksanaan cukai kepala
- D Penghapusan orang suruhan

Aras T Memahami

- 3 Pasangan manakah yang tepat berkaitan dengan penentangan pemimpin tempatan terhadap British.

Buku Teks  
m.s. 174 - 176

|   | Negeri   | Tokoh          |
|---|----------|----------------|
| A | Pahang   | Sharif Masahor |
| B | Sarawak  | Tok Janggut    |
| C | Sabah    | Mat Salleh     |
| D | Kelantan | Dato' Bahaman  |

Aras S Menganalisis

- 4 Mengapakah tokoh berikut melakukan penentangan terhadap James Brooke di Sarawak?

Buku Teks  
m.s. 175

Rentap

- A Kedudukan sebagai pembesar terjejas
- B Adat resam Melayu dicabuli
- C Hilang hak mengutip cukai
- D Dituduh sebagai lanun

Aras S Memahami

- 5 Bagaimanakah strategi Sharif Masahor untuk menggulingkan Dinasti Brooke?

Buku Teks  
m.s. 176

- A Mewujudkan tipu helah
- B Mewujudkan manipulasi
- C Mengadakan pakatan sulit
- D Menandatangani perjanjian

Aras T Mengaplikasi

- 6 Dialog berikut mungkin berlaku antara pengikut Mat Salleh di Sabah.

Buku Teks  
m.s. 177

**Pengikut A:** Nampaknya pegawai SBUB semakin bertindak kasar

**Pengikut B:** Ya, mereka telah menyerang dan membakar kampung kita.


Apakah strategi Mat Salleh untuk membalas tindakan SBUB tersebut?

- A Membunuh Gabenor Beaufort
- B Menyerang kubu SBUB di Pulau Gaya
- C Membakar pejabat SBUB di Sandakan
- D Menawarkan perbincangan dengan SBUB

Aras T Memahami

- 7 Rajah berikut berkaitan dengan perjuangan Mat Salleh.

Buku Teks  
m.s. 174 - 176



Apakah tindakan SBUB yang menyebabkan Mat Salleh mengubah pendiriannya?

- A Membina kubu
- B Mengutip cukai
- C Memungkir janji
- D Melucutkan jawatannya

Aras T Mengingat

8 Bagaimanakah tindakan British terhadap tokoh berikut selepas pembunuhan J. W. W. Birch pada 2 November 1875?

- Dato' Sagor
- Pandak Indut
- Dato' Maharaja Lela

- A Dibuang negeri
- B Dilucutkan jawatan
- C Dipenjara seumur hidup
- D Dijatuhkan hukuman gantung

Aras R Menganalisis

9 Apakah tindakan Haji Abdul Rahman Limbong untuk mewakili penduduk Ulu Telemong menentang British?

- A Bertindak sebagai peguam
- B Menghantar surat bantahan
- C Mengadakan pakatan rahsia
- D Berkumpul mengadakan mogok

Aras S Memahami

## 7.2 Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat Tempatan

10 Bagaimanakah tindakan British untuk menghilangkan kuasa pemimpin tempatan di negeri berikut?

- Perak
- Pahang
- Sarawak

- A Mengugut melucutkan jawatan pembesar tempatan
- B Melakukan pemindahan pusat pentadbiran tempatan
- C Memaksa sultan melucutkan jawatan pembesar tempatan
- D Menempatkan pegawai British dalam pentadbiran tempatan

Aras T Mengaplikasi

11 Apakah tindakan British untuk menjejaskan kuasa Ngah Ibrahim di Perak?

- I Pembinaan balai polis
- II Pelantikan Penolong Residen
- III Perundangan Barat digunapakai
- IV Pembentukan jajahan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras S Menganalisis

12 Peristiwa berikut berkaitan pembaharuan British di Negeri-negeri Melayu.

British memperkenalkan pelbagai jenis cukai terhadap tanah, hasil hutan dan tumbuh-tumbuhan

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Peningkatan pendapatan negara
- B Penentangan masyarakat tempatan
- C Perkembangan pembangunan negeri
- D Penubuhan jabatan ekonomi

Aras T Mengaplikasi

13 Barangan mewah orang Iban telah dirampas oleh pegawai British apabila gagal membayar cukai.

Apakah barang mewah tersebut?

- A Mutiara
- B Kain pua
- C Tempayan
- D Batu permata

Aras R Mengingat

## 7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat

14 Garis masa berikut menunjukkan urutan peristiwa yang berlaku di Perak.

|                |                                                       |
|----------------|-------------------------------------------------------|
| September 1875 | Mesyuarat pembesar dengan Sultan Abdullah di Belanja  |
| Julai 1875     | Mesyuarat antara pembesar-pembesar di Durian Sebatang |
| Januari 1874   | Perjanjian Pangkor ditandatangani                     |

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pasir Salak dicerobohi
- B Tunjuk perasaan berlaku
- C Pembunuhan Residen British
- D Termeterainya perjanjian damai

Aras R Menganalisis

15 Mengapakah kubu berikut gagal ditembusi oleh British semasa penentangan di Negeri Sembilan?

- Kubu Paroi
- Kubu Bukit Putus

- I Terletak atas bukit
- II Tiada kemudahan jalan raya
- III Tersembunyi di sebuah pulau
- IV Terdapat halangan ranjau
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras S Memahami



**16 Mengapakah** Naning berjaya mengalahkan British pada tahun 1831?

Buku  
Teks  
m.s. 185

- I Menggunakan askar upahan dari luar
- II Membina kubu pertahanan yang kukuh
- III Mendapat mendapat bantuan ketenteraan
- IV Mempunyai senapang untuk serang hendap
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras T Memahami

**17 Siapakah** perjuang tempatan yang dibuang oleh British ke Makkah?

Buku  
Teks  
m.s. 187

- A Tok Janggut
- B Dato, Bahaman
- C Sultan Abdullah
- D Haji Abdul Rahman Limbong

Aras S Mengingat

**18 Bagaimanakah** British menghadapi penentangan Tok Janggut di Kelantan?

Buku  
Teks  
m.s. 188

- A Menawarkan pelan damai
- B Menggunakan kuasa sultan
- C Melakukan serangan hendap
- D Membakar kampung halaman

Aras S Menganalisis

## 7.4 Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan

**19 Apakah** tujuan British menubuhkan perkhidmatan berikut di Tanah Melayu?

Buku  
Teks  
m.s. 190

Perkhidmatan Tadbir Melayu (MAS)

- A Melantik pegawai British dalam pentadbiran
- B Memecatkan orang Melayu sebagai pembesar
- C Mengurangkan kuasa Sultan sebagai pemimpin
- D Melibatkan orang Melayu dalam sektor kerajaan

Aras R Mengingat

**20 Apakah** persamaan tindakan British terhadap tokoh berikut?

Buku  
Teks  
m.s. 190

- Sultan Abdullah
- Raja Ismail
- Ngah Ibrahim

- A Dibunuh
- B Dipenjarakan
- C Dibuang negeri
- D Dilucutkan jawatan

Aras T Menganalisis